

Kancangan pelancongan \$3,000 juta

Mahathir nafi projek timbulkan pelbagai kesusahan

KUAH, Khamis — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menolak dakwaan bahawa projek pelancongan \$3,000 juta yang sedang dilaksanakan oleh Syarikat **Promct** di Pulau Langkawi banyak menyusahkan penduduk tempatan.

Perdana Menteri berkata projek raksasa itu sebenarnya banyak memberi nikmat dan peluang di pelbagai bidang kepada mereka untuk memperbaiki hidup masing-masing.

"Saya membawa Promct ke Langkawi untuk memesatkan lagi pembangunan pulau ini supaya penduduk-penduduknya dapat merasakan nikmatnya." Igasnya kepada ketua-ketua dan ahli-cawangan Umno bahagian Langkawi di sini.

Beliau dukacita kerana sejak belakngan ini Promct sering menjadi sasaran kecaman pelbagai pihak, terutama parti pembangkang kerana syarikat itu dikatakan telah menimbulkan pelbagai kesusahan dan masalah kepada penduduk Langkawi.

Menurut Perdana Menteri, Promct pada mulanya telah ditawarkan suatu tempat di negeri lain untuk memajukan sebuah pusat pelancongan bertaraf antara-bangsa tetapi memandangkan Ke-dah memerlukan projek seperti itu, beliau telah mempelawanya memajukan Langkawi.

Beliau menegaskan dengan adanya usaha Promct itu, Pulau Langkawi pasti berubah corak dengan pelbagai kemajuan untuk dinikmati oleh penduduk tempatan.

Katanya, bagaimanapun nikmat pembangunan akan hanya dapat dirasakan jika penduduk Langka-

wi sanggup berusaha merebut peluang yang wujud.

"Hanya orang yang berusaha akan dapat merasakan nikmat pembangunan yang dibawa oleh Promct," tambahnya.

Menurutnya, peluang sentiasa ada kalau seseorang itu tahu menggunakannya untuk mendapatkan faedah besar daripada usaha-usaha itu.

Beliau mengesyorkan supaya penduduk Langkawi bersatu tenaga menyusun langkah dan menyesuaikan diri dengan keadaan bagi menikmati faedah projek itu.

Perdana Menteri menyedari bahawa dalam usaha membawa perubahan dan kemajuan akan timbul pelbagai perkara yang mungkin tidak menyenangkan setengah pihak.

Oleh itu, tegasnya, Umno perlu berusaha menyelesaikannya melalui rundingan dengan ahli-ahli

dan penduduk.

Mereka juga boleh memikirkan pelbagai peluang perniagaan dan pekerjaan yang boleh disertai oleh penduduk tempatan.

Beliau berpendapat pengusahaan-pengusahaan tempatan boleh bergiat di bidang pembekalan makanan, seperti sayuran, buahan, ikan dan daging kepada hotel-hotel yang akan didirikan kelak.

Kenaikan

Mengenai masalah tanah Datuk Seri Dr Mahathir menjelaskan ada pihak terpaksa berkorban untuk membolehkan projek pembangunan dilaksanakan di tanah-tanah mereka demi kepentingan semua.

Bagaimanapun pengambil tanah-tanah untuk pembangunan rda bayaran gantinya bsgi memastikan pihak-pihak yang terje-as dapat membuat penghidupan baru di tempat lain," jelasnya.

Beliau menegaskan dengan kemasukan projek-projek pembangunan rakyat juga dapat merasakan nikmat kenaikan harga tanah yang dulunya tidak berharga kerana tiada pembangunan.